

**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (12 SEPTEMBER 2023)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin mendedahkan hasil siasatan berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia di rumah Pemulihan Akhlak Insani (Rumah Insani) di Bukit Beruntung, Selangor.

Selaras dengan kuasa siasatan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 12 (1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597], SUHAKAM telah menjalankan dan melengkapkan siasatan pada Jun 2023 yang melibatkan lawatan pemantauan, rakaman keterangan 33 saksi, pengumpulan 49 ekshibit, dan perbincangan dengan agensi berkaitan. Siasatan SUHAKAM telah membawa kepada beberapa penemuan berkaitan ketidakpatuhan dan pelanggaran undang-undang dalam pengurusan dan pentadbiran institusi tersebut.

Berdasarkan dapatan ini, SUHAKAM mengenal pasti isu-isu utama berikut:

- i. Rumah Insani telah beroperasi secara tidak sah dalam menjalankan program pemulihan mengikut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283] dan Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615];
- ii. Pendaftaran salah satu premis yang dimiliki oleh Rumah Insani telah tamat tempoh dan ini melanggar Seksyen 4 Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506];
- iii. Program penjagaan dan pemulihan kanak-kanak di Rumah Insani bercanggah dengan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];
- iv. Rumah Insani tidak menghantar pelatih yang berumur di bawah 18 tahun ke sekolah dan ini melanggar Seksyen 29A (2) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- v. Rawatan dan pemulihan pelatih di Rumah Insani tidak mematuhi Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506];
- vi. Pelbagai pelanggaran hak asasi manusia yang bertentangan dengan Artikel 5 dan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan serta Artikel 3 hingga Artikel 7 Deklarasi Hak Asasi Manusia Universal (UDHR); dan
- vii. Siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati beberapa pelatih yang ditempatkan di Rumah Insani tersenarai dalam senarai 'orang yang dikehendaki' bagi siasatan PDRM.



**KENYATAAN MEDIA  
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

SUHAKAM telah menyenaraikan beberapa syor penting untuk pertimbangan pihak berkuasa yang berkaitan, seperti berikut:

- i. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Selangor menyemak semula pendaftaran dan operasi Rumah Insani dengan mengambil kira dapatan SUHAKAM dan pendakwaan oleh Polis Diraja Malaysia;
- ii. Agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, dan Agensi Antidadah Kebangsaan perlu menyemak semula pendaftaran dan memantau secara berterusan pusat-pusat pemulihan lain yang berdaftar bagi memastikan program penjagaan dan pemulihan dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada;
- iii. Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah pencegahan pelanggaran hak asasi manusia, Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Khas terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan untuk memeriksa, memantau dan membangunkan dasar-dasar yang berkaitan operasi pusat pemulihan swasta.

SUHAKAM menggalakkan orang ramai untuk berkongsi maklumat secara aktif dan melaporkan sebarang kejadian pelanggaran hak asasi manusia di mana-mana fasiliti pemulihan atau penjagaan. SUHAKAM menyeru semua pihak untuk meningkatkan kerjasama dalam menangani isu ini dan menggesa pihak berkuasa untuk terus memantau operasi semua pusat pemulihan di Malaysia.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
12 September 2023**